



**JABATAN UKUR BANGUNAN
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**KEBERKESANAN PENGURUSAN PENYELENGGARAAN SISTEM
PEMBETUNGAN DI SHAH ALAM**

NURHAZALINA BINTI MOHAMED RAZALI

2000327289

SARJANA MUDA UKUR BANGUNAN (KEPUJIAN)

MEI 2003

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**' Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi
amat mengasihi'.**

Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia-Nya dan keizian-Nya, saya dapat menyiapkan laporan ini. Pelbagai pengalaman pahit dan getir dialami. Namun dengan izin Allah serta berkat ketabahan, kesabaran dan komitmen yang diberikan oleh semua pihak, dapatlah saya menghasilkan disertasi ini dengan jayanya.

Kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada En. Mohd. Amin Mohd. Din selaku penyelia disertasi dan pensyarah-pensyarah Jabatan Ukur Bangunan, UiTM Shah Alam, yang mana beri panduan dan tunjuk ajar dalam menyiapkan disertasi ini.

Tidak iupa juga, penulis merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada mereka yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam penyiapan disertasi ini terutamanya :

1. En. Ahmad Budaya Ismail
Excutive Communication Department -Ibupejabat
Indah Water Konsurtium Sdn.Bhd

2. En. Meor Abd. Hafiz b. Meor Abd Ghani
Technical Assistants (Treatment) – Cawangan Shah Alam.
Indah Water Konsurtium Sdn. Bhd.
3. Cik Norharyanti Octovia Ahmad
Juruteknik (Refurbishment)
Indah Water Konsurtium

Dan semua kakitangan Indah Water Konsurtium turut sama membantu penulis dalam mendapatkan maklumat mengenai sistem pembentungan ini.

Akhir sekali, buat semua rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu teristimewanya buat Sharifah Dalmiah, Siti Fadzilah, Romuald Kuha, dan dua sahabat baik penulis yang banyak memberi sokongan dan bantu dalam menjayakan disertasi ini.

Ucapan yang tidak terhingga, istimewa buat Ayahanda Mohamed Razali b. Mohamed Taib dan bonda Fазiah bt. Yaakob serta keluarga yang sentiasa memberi semangat dan iringan doa untuk penulis terus berjaya.

ABSTRAK

Indah Water Konsortium merupakan sebuah syarikat swasta yang dipertanggungjawabkan untuk membangun dan mengendalikan sistem pembetulan awam di 144 Pihak Berkuasa Tempatan bagi meningkatkan taraf kesihatan dan kesejahteraan penduduk .

Menyedari kepentingan terhadap penyelenggaraan sistem pembetulan yang sempurna dalam kehidupan dan alam sekitar, pelbagai alternatif baru digunakan dalam menangani masalah pembuangan najis yang tidak sempurna sekiranya ia tidak dirawat sebaik mungkin. Kajian ini bertujuan mengenalpasti keberkesanan pengurusan penyelenggaraan sistem pembetulan dari segi tahap pengetahuan dan kesedaran penduduk terhadap alam sekitar dalam kehidupan harian.

Melalui kajian tersebut juga, komen, cadangan dan pandangan dari pengguna mengenai perkhidmatan yang dilaksanakan oleh IWK sendiri telah diambil bagi mengukur kepuasan pengguna terhadap caj yang dikenakan oleh pihak terbabit dalam menampung penduduk seramai 70 juta orang menjelang tahun 2020.

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Sistem pembuangan najis adalah sesuatu yang perlu difikirkan dan diambil berat kerana 'pembuangan' merupakan sesuatu kemestian bagi setiap individu yang normal. Di zaman yang serba maju ini, masih ramai yang tidak menyedari akan kepentingan sistem pembuangan najis yang sempurna. Akibatnya, najis-najis ini dialirkan terus ke parit atau sungai-sungai yang berdekatan tanpa memikirkan apakah kesan-kesan yang akan timbul kemudiannya.

Dahulu, sistem pemetungan adalah di bawah tanggungjawab 144 Pihak Berkuasa Tempatan. Walaubagaimana pun, disebabkan peruntukan kewangan yang terhad dan kekurangan kepakaran teknikal maka perkhidmatan pemetungan yang disebabkan tidak dapat menampung keperluan akibat kepesatan pembangunan negara.

Pada Disember 1993, Kerajaan Malaysia telah menandatangani perjanjian konsesi dengan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. yang memberi tanggungjawab selama 28 tahun untuk membangun dan mengendalikan sistem pemetungan awam di 144 Pihak Berkuasa Tempatan bagi mewujudkan sebuah sistem pemetungan yang moden dan efisien untuk semua rakyat